

## *Pembelajaran Genré Sastera Melalui Flipped Classroom*

**Tetty Juliana Sujono**

tetty\_juliana\_sujono@moe.edu.sg

Maktab Rendah Innova

### *Abstrak*

Pelajar di Maktab Rendah perlu mempelajari beberapa genre sastera seperti cerpen, sajak dan novel. Pembelajaran sastera ini pula memerlukan pemahaman terhadap konsep-konsep struktural teks sebelum menerapkannya dalam penulisan jawapan soalan peperiksaan. Inilah yang menjadi hambatan bagi pelajar. Tujuan kajian ini djalankan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran sastera. Bagi mencapai tujuan ini, model pembelajaran *Flipped Classroom* dan *Team-Based Learning* telah digunakan untuk melihat keberkesanannya. Di samping itu, beberapa wahana yang berdasarkan ICT telah digunakan dalam kajian ini sebagai bahan sokongan pembelajaran. Seramai 24 orang pelajar maktab rendah tahun 1 telah menjadi fokus kajian ini. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar-pelajar dapat meningkatkan kelakonan mereka dalam penilaian. Pelajar juga mampu berfikir dengan aras pemikiran yang tinggi.

Kata Kunci: *flipped classroom*, *Team-based learning*, sastera,  
pemahaman konsep, pemikiran aras tinggi



## **PENGENALAN**

Visi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di negara ini mengagaskan pembentukan seorang insan yang berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Visi ini juga lebih dikenali sebagai visi Arif Budiman. Di peringkat Prauniversiti, pelajar diharapkan dapat membina penguasaan bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam konteks dunia yang senantiasa berubah. Untuk merealisasikan visi ini, pengajaran dan pembelajaran perlu diselaraskan dan disesuaikan kepada profil pelajar. Dalam hal ini, pengajaran dan pembelajaran subjek Sastera Melayu merupakan satu cabaran bagi guru Bahasa Melayu. Apatah lagi pelajar perlu memahami konsep-konsep dan struktur pembelajaran sastera bagi meningkatkan prestasi dan mengekalkan minat terhadap pembelajaran sastera. Penggunaan teknologi dilihat sebagai satu pemangkin yang berpotensi bagi menyokong pembelajaran pelajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menyokong pengajaran dan pembelajaran pelajar dengan menggunakan kaedah alternatif; dan
2. satu kajian awal sekali gus dijadikan rujukan kepada para guru yang ingin melaksanakan kaedah pengajaran ini.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pengajaran mata pelajaran sastera di maktab rendah dijalankan melalui sistem kuliah-tutorial. Sistem kuliah ini memerlukan pelajar menghadiri kuliah selama lebih kurang 50 minit setiap minggu di mana pelajar akan diperkenalkan kepada topik atau konsep baharu. Setelah itu, pelajar dikehendaki menyelesaikan latihan tutorial. Sesi tutorial pula memakan masa selama 75 minit. Tinjauan awal pengkaji mendapat sesi kuliah agak menghambat pembelajaran pelajar. Pelajar yang lemah pula menghadapi masalah dalam mengikut pengajaran semasa sesi kuliah. Golongan ini juga tidak mampu mencatatkan maklumat yang diperlukan untuk mengisi nota yang diberikan, mereka juga gagal

memahami konsep baharu yang diajar mengakibatkan mereka kurang berupaya menyelesaikan soalan-soalan tutorial.

Berdasarkan profil pelajar yang berbeza, guru perlu memikirkan cara yang terbaik untuk menyampaikan bahan-bahan sastera kepada pelajar yang rata-ratanya kurang membaca apatah lagi apabila diarahkan untuk membaca nota kuilah yang diedarkan secara dalam talian. Guru perlu mengubah persepsi pelajar, dalam mengaplikasikan konsep-konsep sastera kepada teks. Untuk mengubah persepsi pelajar, guru perlu sentiasa berusaha mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan membuatkan teknik pengajaran yang berkesan. Hal ini ditekan oleh Prettyman (1996) yang mengutamakan daya kreativiti guru sebagai faktor yang penting dalam membantu mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Dapatan kajian daripada Patricia dan Barbara (1993) yang mengkaji perspektif guru dalam pengajaran sastera menekankan bahawa guru perlu sentiasa faham kriteria spesifik dan teknik-teknik untuk menganalisis sastera dan mengutamakan penglibatan pelajar melalui pembelajaran kolaboratif agar pelajar dapat menghayati estetika karya sastera itu.

Justeru, melalui kertas kajian ini, pengkaji berusaha untuk memperkenalkan kaedah alternatif yang dapat menggalakkan pembelajaran secara aktif dan menjadikan pelajar lebih berdikari dan bermotivasi supaya waktu pembelajaran dalam kelas dapat dimanfaatkan. Pada masa yang sama, kaedah ini diharapkan dapat dijadikan jambatan untuk merapatkan jurang keupayaan antara pelajar yang lemah dengan pelajar yang lebih baik.

## KAJIAN LEPAS

Pembelajaran yang menggunakan pendekatan *flipped classroom* atau penterbalikan lebih mudah dijalankan disebabkan kemudahan bahan-bahan yang tersedia seperti audio dan video. Pendekatan ini juga mudah menambat hati pelajar yang tergolong dalam kalangan generasi elektronik. Dalam model pengajaran dan pembelajaran *flipped*, perkara-perkara yang lazim dijalankan di sesbuah kelas diterbalikkan. Pelajar tidak lagi mendengarkan kuliah tentang sesbuah topik kemudian pulang ke rumah dengan tugas. Sebaliknya, pelajar membaca bahan-bahan yang telah disediakan di rumah



dan menonton video tentang topik tersebut sebelum ke kelas untuk menjalani pembelajaran yang lebih tertumpu kepada bimbingan guru dalam tugasannya pada hari atau minggu itu. Kathleen Fulton (2012) menyenaraikan antara daya tarikan kelas *flipped*: (1) pembelajaran mengikut kadar kemampuan pelajar; (2) menjalankan tugas atau aktiviti di kelas memudahkan pemantauan guru akan cara pembelajaran dan darjah kepayahan pelajar; (3) masa pembelajaran dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan sekreatifnya; (4) peningkatan dalam pencapaian, minat dan tumpuan pelajar; (5) penggunaan teknologi bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21. Prinsip panduan bagi kelas *flipped* mengtamakan bimbingan guru bagi tugas yang lazimnya dilakukan di rumah. Mendengar audio atau menonton video kuliah sebaik-baiknya dilakukan di rumah.

Pada tahun 70an, pengasas *Team-based Learning* (TBL) Larry Michaelsen memulakan pendekatan ini dengan tujuan untuk memperkenalkan pembelajaran dalam kumpulan kecil melalui aktiviti dan tugas dalam kumpulan tersebut. Dalam kajian-kajian beliau dan pengkaji yang lain, dapatkan menunjukkan bahawa pembelajaran dalam kumpulan kecil lebih dinamik (Michaelsen, Sweet, & Parmelee, 2008). Dalam pendekatan TBL, pembelajaran menekankan persiapan pelajar menimba ilmu di luar bilik darjah dan pengaplikasian pengetahuan di dalam bilik darjah. Pelajar diagihkan secara strategik kepada kumpulan-kumpulan kecil seramai 5 hingga 7 orang anggota pelajar yang bakal bekerjasama sepanjang sesi kelas. Sebelum bermulanya setiap topik atau pengajaran, pelajar perlu melakukan persiapan prakelas. Semasa di kelas, pelajar mengambil bahagian dalam proses memastikan kesediaan atau *Readiness Assurance Process* (RAP). Secara khususnya, dalam sesi RAP, pelajar akan melengkapkan penilaian secara individu yang dikenali sebagai *individual Readiness Assurance Test* atau iRAT, yang kemudiannya disusuli dengan penilaian bersama anggota kumpulan yang dikenali sebagai group *Readiness Assurance Test* atau gRAT. Kedua-dua markah individu dan kumpulan bakal digunakan sebagai sebahagian markah pelajar. Penilaian iRAT dan gRAT lazimnya berbentuk soalan aneka pilihan menggunakan kad “scratch-off”. Penilaian seperti ini boleh mengurangkan masa menggredkan pelajar dan menggalakkan perbincangan pelajar sebelum bersetuju dengan satu jawapan yang paling tepat. Selepas pelajar selesai gRAT mereka, guru atau instruktur menjadi pemudahcara untuk menggalakkan muhasabah pelajar,

penilaian bagi pemahaman mereka dan sejauh mana mereka mempertahankan jawapan mereka. RAP dilengkapi dengan kuliahmini untuk membalikkan fokus pelajar kepada konsep yang ingin ditekankan.

Pada akhir sesi TBL yang ideal, soalan jenis aplikasi diberikan sebagai tugas individu untuk mengukuhkan pemahaman mereka terhadap konsep yang sudahpun diterangkan melalui kuliah dalam talian dan sesi keseluruhan RAP. Menurut Haidet & Fecile (2006), TBL sering digunakan oleh institusi profesional seperti bidang perubatan kerana daya tarikan TBL ialah gabungan penggunaan bahan yang berkesan oleh seorang guru dan penglibatan pelajar yang aktif melalui pendekatan kumpulan-kumpulan kecil ini.

## KAEDAH KAJIAN

Gabungan kaedah pengajaran *flipped classroom* dan TBL digunakan untuk pelajar Tahun 1 yang terdiri daripada dua jenis kelas iaitu kelas sains dan kelas kemanusiaan. Kumpulan seramai 24 orang itu mempunyai keupayaan pembelajaran yang pelbagai. Kumpulan mereka adalah berdasarkan keupayaan markah purata eseи sastera mereka, jantina dan kelas. Setiap kumpulan mempunyai pelajar yang berupaya tinggi dan sederhana. Struktur kumpulannya adalah tetap bagi setiap sesi *flipped classroom* dan TBL.

Tiga genre sastera telah ditetapkan. Cerpen yang dipilih ialah cerpen ‘Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti’ karya Basiran Haji Hamzah. Cerpen ini akan diakronimkan sebagai SPSPSR. Sajak yang terpilih ialah ‘Betapapun Gerak Cepat Kehidupan Akan Kususuri Landasan Ini’ karya Ahmad Mohd. Tahir dan sajak ini akan diakronimkan sebagai BGCK. Novel yang sedia ada ialah novel ‘Restu’ oleh Ismail Kassan. Kajian ini berpusat kepada aspek struktural kesusasteraan seperti tema, persoalan, pengajaran, mesej, plot, teknik-teknik plot, watak, perwatakan, latar, dan gaya bahasa. Secara keseluruhan, tiga buah kelas gabungan *flipped classroom* dan TBL telah dijalankan.



## Prosedur Kajian

1. Persiapan pra-kuliah bagi guru untuk setiap *Flipped Classroom* – Pengkaji menggunakan bahan rujukan sastera bagi guru (Lampiran B) untuk menghasilkan slaid-slaid powerpoint yang bersesuaian. Setiap slaid tersebut akan diubahsuai untuk dijadikan nota kuliah pelajar semasa sesi kelas *flipped* yang dimuatnaikkan ke portal *Learning Management System* (LMS). Berdasarkan slaid-slaid powerpoint yang telah dihasilkan, pengkaji menggunakan perisian Camtasia untuk menghasilkan video kuliah yang juga dimuatnaikkan ke portal LMS supaya dapat ditonton oleh pelajar di luar jadual kelas.
2. Persiapan pra-kuliah bagi guru untuk TBL – Pengkaji memadankan pelajar kepada kumpulan-kumpulan kecil berdasarkan markah purata eseи, jantina dan kelas mereka. Nama kumpulan disenaraikan dan dicetak untuk melabelkan ruang aktiviti di kelas dan papan putih untuk setiap kumpulan. Bagi tujuan penilaian iRAT dan gRAT, pengkaji menyiapkan lima soalan kuiz yang berkaitan dengan fokus kandungan kuliah dan yang sejajar dengan pemahaman konsep yang ditekankan. Aplikasi *Nearpod* digunakan untuk memuatnaikkan kelima-lima soalan tersebut. Salinan bagi kelima-lima soalan itu juga dicetak bagi tujuan tugasan berkumpulan. Secara praktikal, setiap soalan kuiz memakan masa 1 minit untuk tugasan iRAT dan 2 minit untuk tugasan gRAT, justeru setiap sesi penilaian iRAT ialah 5 minit (i.e. 1 minit x 5 soalan) dan 10 minit bagi gRAT (i.e. 2 minit x 5 soalan).
3. Persiapan prakelas bagi pelajar – Kesemua pelajar dikehendaki membaca teks yang telah pun dikenal pasti bagi sesi-sesi kuliah. Selain itu, para pelajar juga dijangkakan untuk mencetak nota kuliah yang telah dimuatnaikkan ke LMS dan mengisikan ruang-ruang kosong di nota tersebut melalui tontonan video dalam talian atau menggunakan enjin pencari yang sedia ada.

4. Aktiviti dalam-kelas :
- i. Pengkaji memulakan dengan memperkenalkan objektif pembelajaran pada sesi tersebut.
  - ii. Kemudian, iRAT dijalankan pada awal kelas untuk menguji pemahaman tentang konsep yang telah diperkenalkan. iRAT yang menggunakan aplikasi *Nearpod* memudahkan guru untuk mendapatkan maklum balas langsung bagi kesemua pelajar. Mana-mana kelemahan dalam pemahaman bahan bagi setiap pelajar dapat dikemukakan secara langsung. Namun, pelajar tidak mengetahui keputusan penilaian mereka serta-merta selepas iRAT.
  - iii. Sejurus selepas iRAT, gRAT akan menyusuli dengan menggunakan senarai soalan yang sama. Setiap kumpulan akan berbincang tentang kelima-lima soalan dengan tujuan untuk menghujahkan atau merasionalkan pilihan jawapan kumpulan mereka. Jawapan akan dicatatkan di papan putih selaras dengan ulasan guru bagi setiap soalan.
  - iv. Perbincangan kelas – Pada akhir sesi gRAT, guru menjadi pemudahcara perbincangan setiap soalan bagi memastikan semua pelajar meraih pemahaman yang paling asas bagi konsep yang diperkenalkan.
  - v. Aplikasi Konsep yang baru dipelajari – Penilaian terakhir ialah tugasan soalan sastera yang bersabit dengan konsep baru dipelajari dan dijelaskan. Tugasan soalan sastera itu adalah yang bertempoh; lazimnya 45 minit bagi setiap eseи sastera, yang perlu dilakukan secara individu dan dihantar selewat-lewatnya sehari selepas sesi TBL.
  - vi. Maklum balas pelajar – Sesi maklum balas dalam talian di lakukan di luar waktu kelas menggunakan wadah LMS.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa dapatan perlu diserlahkan bagi tujuan menganalisis kaedah gabungan *flipped classroom* dan TBL ini. Hal ini akan dibincangkan menurut urutan penggunaan kedua-dua kaedah ini melalui perkakas atau perisianya.



## Kuliah dalam Talian bagi *Flipped Classroom*

Berdasarkan penggunaan portal LMS banyak membantu dalam menyelaraskan video-video yang dimuatnaikkan ke bahagian podcast portal tersebut. Tempoh bagi ketiga-tiga video adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Tempoh Video bagi Setiap Konsep yang Diperkenalkan

Genre Novel	Genre Cerpen	Genre Sajak
Persoalan dalam Restu	Perwatakan dalam cerpen SPSPSR	Gaya Bahasa dalam sajak BGCK
Bahagian 1 : 24 minit Bahagian 2 : 1 jam 13 minit	24 minit	20 minit

Pada awal percubaan, video Bahagian 1 dan Bahagian 2 mengambil masa lebih kurang 60 minit untuk proses pemuatnaikkan ke portal LMS melalui pautan podcast. Hal ini bukan sahaja mengambil masa yang agak lama daripada perspektif, malah pelajar sendiri meluahkan rasa lenguh menonton video yang terlalu panjang. Oleh itu, video bagi genre cerpen dan sajak dikhususkan kepada 24 minit sahaja agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar sebaik mungkin. Pengkaji juga perlu pastikan bahawa pautan video tersebut berfungsi dengan menggunakan akaun pelajar sebelum mengedarkannya kepada pelajar melalui fungsi *Add User / Class* yang sedia ada di portal tersebut. Hal ini penting untuk mengurangkan masalah teknikal yang bakal timbul sekiranya tidak diselesaikan dahulu. Selain itu, video dalam talian itu harus sentiasa dilengkapi dengan nota pelajar agar kuliah itu dapat diikuti oleh pelajar dengan berkesan. Nota-nota tersebut boleh diusahakan selepas slaid-slaid PowerPoint guru sudah selesai dan disusuli dengan bahagian-bahagian dalam slaid-slaid tertentu digugurkan atau dikurangkan maklumatnya.

## Penilaian iRAT dan gRAT

Objektif bagi penilaian iRAT adalah untuk memastikan bahawa semua pelajar memahami konsep yang ingin disampaikan secara separa, manakala penilaian gRAT pula ingin memastikan soalan-soalan tersebut dapat merangsang perbincangan dan memberikan peluang bagi mengaitkan maklumat baru serta mengaitkan dengan pengetahuan sedia ada. Oleh itu, walaupun kelima-lima soalan bagi iRAT dan gRAT adalah serupa, bentuk soalan-soalannya

perlu menepati objektif penilaian bagi keberhasilan pendekatan TBL. Bagi menghasilkan penilaian yang dapat merangsang perbincangan antara kumpulan pelajar, pengkaji telah menggunakan soalan aplikasi konsep yang lazimnya dalam bentuk eseи, untuk memikirkan komponen-komponen atau kemahiran-kemahiran penting yang boleh memenuhi kedua-dua objektif bagi iRAT dan gRAT. Hal ini diharapkan dapat membantu pelajar untuk lebih memahami keperluan bagi menghasilkan eseи yang lebih terarah.

Pengolahan soalan-soalan iRAT dan gRAT merupakan satu proses yang amat penting dalam pendekatan TBL. Hal ini disebabkan keperluan bagi soalan-soalan tersebut menjadi titik tolak perbincangan dalam kumpulan selain menilai pemahaman terhadap konsep-konsep yang baharu diperkenalkan. Namun, walaupun bukan objektif iRAT untuk memberi tumpuan kepada hasil pemarkahan dalam taliah, adalah menarik sekiranya kita dapat memantau perkembangan pelajar melalui markah jawapan-jawapan yang betul yang diraih pelajar daripada setiap sesi iRAT.

**Jadual 2 : Peratusan jawapan betul bagi sesi iRAT**

Konsep (Teks) (%)	Persoalan (Restu) (%)	Perwatakan (SPSPSR) (%)	Gaya Bahasa (BGCK) (%)
<b>Jawapan Betul</b>	29	64	40

Memandangkan teks Restu merupakan bahan yang pertama digunakan untuk sesi iRAT, pengkaji mendapati bahawa ramai pelajar yang kurang biasa dengan penilaian yang tampak mudah tetapi mempunyai pilihan jawapan yang agak mengelirukan. Rata-ratanya mereka perlu memikirkan tentang pernyataan yang hampir serupa dalam setiap pilihan jawapan. Bagi penilaian iRAT yang kedua berdasarkan teks cerpen SPSPSR, peratusan pelajar yang lebih tinggi mungkin cuba mencadangkan keyakinan yang lebih utuh apabila memilih jawapan mereka. Namun, bagi penilaian iRAT yang ketiga berdasarkan sajak BGCK, peratusannya menjunam sedikit. Hal ini mungkin disebabkan oleh dasar genre sajak itu sendiri yang mengutamakan gaya bahasa sebagai tumpuan peranti penyampaian teks itu sendiri. Aspek gaya bahasa merupakan sesuatu yang baharu dan agak teknikal daripada segi istilah dan pemakaianya, terutama bagi pelajar yang rata-ratanya tidak mempunyai latar belakang sastera di peringkat sekolah menengah.



## Penggunaan aplikasi Nearpod bagi penilaian iRAT

Bagi menilai keberkesanan penggunaan aplikasi yang boleh menjalankan kuiz dalam talian sambil menghasilkan keputusan secara langsung, pengkaji memilih antara aplikasi *Nearpod* dan *Socrative*. Kedua-dua aplikasi dapat menghasilkan keputusan penilaian secara langsung (*real-time results*) tetapi kendala aplikasi *Socrative* ialah kepenggunaannya. Aplikasi kuiz dalam *Socrative* sering tergendala sekiranya terlalu ramai pelajar atau pengguna terlibat dalam sesuatu aktiviti dalam talian dalam satu masa. Sehubungan itu, aplikasi *Nearpod* bukan sahaja lebih menarik daripada segi paparan visual (*interface*), tetapi penggunaan *Nearpod* juga mudah disebabkan tiadanya keperluan bagi pelajar untuk memiliki akaun bagi melibatkan diri dalam penilaian iRAT tersebut. Pengkaji hanya perlu mendapatkan pautan dan berkongsi pautannya kepada pelajar melalui mesej ke telefon bimbit.

Namun, ada satu keterbatasan jumlah perkataan apabila pengkaji menaip soalan atau jawapan dalam ruang kuiz di aplikasi *Nearpod*. Had perkataan sebanyak 105 berserta jarak, dan 91 perkataan tanpa jarak, menyebabkan pengkaji terpaksa menggubal kembali pernyataan-pernyataan yang agak panjang dalam jawapan pilihan. Namun, satu daripada daya tarikan aplikasi *Nearpod* ialah kebolehannya menerima lebih daripada satu jawapan. Hal ini selari pemahaman konsep-konsep kesusasteraan yang lazimnya membenarkan kepelbagaiannya dalam jawapan apabila dikaitkan, asalkan serasi dan munasabah dengan tuntutan soalan.

## Perbincangan pascagRAT

Selepas penilaian *gRAT*, tugas terpenting kini berbalik kepada pengkaji untuk menjadi pemudahcara bagi kemosyikilan yang bakal dibentangkan oleh pelajar atau kumpulan pelajar semasa sesi itu. Berbeza dengan sesi iRAT yang menggunakan aplikasi *Nearpod*, sesi *gRAT* menggunakan sehelai kertas penilaian yang mengandungi soalan yang sama dalam penilaian iRAT. Hanya sehelai kertas penilaian diberikan kepada setiap kumpulan. Mereka akan bermusyawarah dan bermuafakat akan jawapan pilihan kumpulan mereka. Jawapan itu dicatatkan di kertas yang diberikan. Jawapan muktamad akan dituliskan di papanputih yang diberikan kepada setiap kumpulan pada

awal kelas. Jawapan muktamad itu akan diselaraskan dengan sesi ulasan pengkaji yang bertujuan untuk mencungkil rasional atau musabab daripada kumpulan yang memberikan jawapan yang pelbagai atau berbeza. Atas sebab berikut, pengkaji mendapati bahawa slaid PowerPoint yang dikhaskan untuk perbincangan pasca gRAT perlu bagi memastikan penyampaian dan ulasan pengkaji lebih terarah. Slaid-slaid ini kemudiannya akan ‘dipdf-kan’ sebelum dimuatnaikkan ke portal LMS bagi rujukan pelajar buat masa akan datang.

### Kaji selidik pascakajian

**Jadual 3: Dapatan Kaji Selidik Berdasarkan Soalan-soalan yang Berkaitan dengan Penglibatan Pelajar dalam TBL**

Soalan Kaji Selidik	Sangat Setuju % (saiz)	Setuju % (saiz)	Tidak Setuju % (saiz)	Sangat Tidak Setuju % (saiz)
Dalam kumpulan, kami sering membincangkan rasional pemilihan jawapan kuiz kami.	100(24)	0(0)	0 (0)	0(0)
Kami sentiasa memikirkan pendapat dan usulan anggota kami secara kritis.	100 (24)	0(0)	0(0)	0(0)
Saya berupaya mendapat penjelasan tentang keraguan saya bersama anggota kumpulan saya.	100 (24)	0(0)	0 (0)	0 (0)
Saya berkesempatan untuk menjelaskan konsep-konsep yang berkaitan dalam kuiz itu, bersama anggota kumpulan saya.	100 (24)	0(0)	0 (0)	0 (0)
Saya lebih memahami dengan lebih mendalam akan konsep-konsep yang berkaitan dengan sastera melalui perbincangan dengan anggota kumpulan saya.	100(24)	0(0)	0 (0)	0(0)
Perbincangan dalam kelas dengan bimbingan dan penjelasan guru membantu dalam menjelaskan keraguan yang ada dalam kumpulan saya.	100(24)	0(0)	0(0)	0(0)

Walaupun tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan kaedah yang berlainan bagi pembelajaran sastera, pengkaji berharap agar statistiks yang memberangsangkan daripada kaji selidik ini dapat menggerakkan para pendidik untuk mencuba kaedah ini. Terutama sekali, apabila para pendidik berhadapan dengan kumpulan yang besar yang memerlukan aktiviti yang dapat melibatkan pelajar secara aktif. Salah satu daripada faedah yang ingin diserahkan oleh pengkaji ialah keupayaan pendekatan ini untuk memupuk nilai



sentiasa bermuhasabah akan pilihan mereka dan menggunakan rasional dalam pemikiran. Melalui perbincangan dalam kumpulan, pelajar didedahkan dengan pemikiran alternatif yang boleh dibidas atau diterima. Selain itu, ulasan dan bimbingan guru selepas sesi perbincangan juga dapat memastikan kumpulan-kumpulan dalam kelas sentiasa terlibat aktif melalui pandangan mereka terhadap pemberian jawapan kumpulan sendiri atau kumpulan lain. Secara tidak langsung, pelajar itu lebih peka dalam penulisan esei individu mereka untuk membuat kaitan yang lebih jelas dan ketara di samping memberikan hujahan atau pandangan yang lebih menyeluruh.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pelaksanaan *Flipped Classroom* dan TBL berjaya dijalankan dan mampu mengubah budaya pembelajaran di dalam sesebuah kelas. Sebuah kelas yang pasif dapat dihidupkan melalui gabungan kedua-dua kaedah ini bagi memastikan pelajar ambil peduli akan pembelajaran mereka dan mengambil bahagian dengan bersungguh melalui wacana pengajaran konsep-konsep kesusasteraan ataupun wacana lain yang bersesuaian. Walaupun pendekatan pandu ini diterima baik oleh pelajar, pengkaji juga peka akan kekurangan dan risiko yang terlibat. Ternyata, adanya keperluan bagi kita untuk mengkaji cara alternatif bagi golongan pelajar yang tidak dapat menerima atau menyesuaikan diri dengan pembelajaran yang memerlukan anjakan paradigma. Hal ini merangkumi strategi bagi memastikan pelajar faham akan objektif kaedah ini. Selain itu, guru juga perlu memastikan adanya pemerancangan dalam bahan pembelajaran terlebih dahulu bagi meringankan beban persiapan pengajaran melalui sokongan guru-guru lain. Kajian lanjut juga boleh dijalankan bagi menyelidik faktor-faktor lain yang menjadikan mutu penulisan esei agar pelajar kita dapat membangun sebagai pelajar yang sentiasa terangsang, berdikari dan berfikiran kritis.

## RUJUKAN

- Michaelsen LK, Sweet M, Parmelee DX. (2008). Team-based learning: Small-group learning's next big step. *New Directions for Teaching and Learning*. San Francisco : Jossey-Bass.
- Michaelsen, L.K..(2004). *Team-based learning : A transformative Use of Small Groups in College Teaching*. Stylus Publication.
- Fulton, K. (2012). *Upside down and inside out: Flip your classroom to improve student learning*. Learning & Leading with Technology. [E-Reader Version]. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ982840.pdf>
- Haidet P, Fecile ML. (2006). Team-based learning: A promising strategy to foster active learning in cancer education. *Journal of Cancer Education*. 21(3):125–128.
- Prettyman, E.P. (1996).*Two methods of teaching English literature and students attitudes towards these methods*. Dissertation abstracts, xxvi
- Patricia, J.C. & Barbara, A.Q. (1993). *The study of literature in a Fifth-Grade classroom: One teacher's perspective*.
- Smith, Carl B., Ed. (2003). *Successful Techniques of Vocabulary*. ERIC Topical Bibliography and Commentary. Eric Clearinghouse on Reading, English, and Communication, Bloomington, IN.

